

Penjajaran Ideologi 'Feminisme dan Nasionalisme' dalam National Council of Women's Organisations Malaysia (NCWO) dan Kongres Wanita Indonesia (KOWANI)

The Juxtaposition of 'Feminism and Nationalism' Ideologies in the National Council of Women's Organisations Malaysia (NCWO) and the Indonesian Women's Congress (KOWANI)

MUHAMMAD RAHIMI HASAN

Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa,

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi Selangor, Malaysia

Corresponding author: rahimihasan@ukm.edu.my

Received: 06 June 2025 Accepted: 21 October 2025

Abstrak

Artikel ini bertujuan untuk membandingkan proses penjajaran agenda wanita dan agenda nasional dalam gabungan badan bukan kerajaan wanita terulung di Malaysia dan Indonesia—iaitu National Council of Women's Organisations Malaysia (NCWO) dan Kongres Wanita Indonesia (KOWANI). Gabungan agenda wanita dan agenda nasional yang mempengaruhi pembentukan dan perkembangan sejarah NCWO dan KOWANI ini diteliti dengan menggunakan kerangka teori feminisme dan nasionalisme. Maka, artikel ini menggariskan tiga objektif iaitu (i) menjelaskan ideologi perjuangan hak wanita NCWO dan KOWANI; (ii) menghubungkan kait ideologi NCWO dan KOWANI dengan agenda pembinaan negara bangsa, dan (iii) membandingkan sifat hubungan agenda wanita dan agenda nasional dalam NCWO dan KOWANI. Persoalan ini dijawab dengan menggunakan kaedah kualitatif dan reka bentuk kajian perbandingan *most similar system design* (MSSD). Maklumat sumber primer dan sekunder dikumpulkan dan dianalisis menggunakan kaedah temu bual dan analisis dokumen. Hasilnya, kajian ini mendapati aspek sejarah, legal, identiti dan pemimpin mempengaruhi idea perjuangan NCWO dan KOWANI untuk hak wanita. Bukan sahaja untuk kepentingan wanita, NCWO dan KOWANI turut menjajarkan pemikirannya dengan idea pembinaan negara bangsa. Hal ini membawa kepada penemuan persamaan sifat hubungan konstruktif dan destruktif antara agenda wanita dengan agenda nasional dalam NCWO dan KOWANI. Namun, gagasan pemikiran secara konseptual seperti dalam KOWANI tidak terserlah dalam kes NCWO.

Kata kunci: Feminisme; Nasionalisme; Ideologi; NCWO; KOWANI

Abstract

This article aims to compare the process of aligning the women's agenda and the national agenda in the leading women's non-governmental organizations (NGOs) in Malaysia and Indonesia—namely the National Council of Women's Organizations Malaysia (NCWO) and the Indonesian Women's Congress (KOWANI). The juxtaposition of women's agendas and national agendas that influence the formation and development of the history of NCWO and KOWANI is examined using the theoretical framework of feminism and nationalism. Therefore, this article outlines three objectives: (i) to explain

the ideology of the women's rights struggle of NCWO and KOWANI; (ii) to relate the ideology of NCWO and KOWANI with the nation-state building agenda; and (iii) to compare the nature of the relationship between the women's agenda and the national agenda in NCWO and KOWANI. These objectives were answered by implementing qualitative methods and the most similar system design (MSSD) in comparative study. Primary and secondary sources were collected and analyzed using interview methods and document analysis. As a result, this study found that history of the formation, legal and leadership perspective influence the idea of NCWO and KOWANI's struggle for women's rights. Not only for the women's interest per se, NCWO and KOWANI align their idea with the nation building agenda. This phenomena led to the discovery of similarities in the nature of the constructive and destructive relationship between the women's agenda and the national agenda in NCWO and KOWANI. However, the most significant findings is that the conceptual idea in KOWANI is not identified in the case of NCWO.

Keywords: *Feminism; Nationalism; Ideology; NCWO; KOWANI*

Pengenalan

Keutuhan dua gabungan organisasi wanita di Malaysia dan Indonesia iaitu National Council of Women's Organisations Malaysia (NCWO) dan Kongres Wanita Indonesia (KOWANI) yang bergiat sejak tahun 1963 (NCWO) dan KOWANI (1928) adalah kerana kerelevanan perjuangan ideanya. Meskipun kedua-duanya ialah organisasi berteraskan identiti kewanitaan, keluasan pemikirannya dengan agenda pembinaan negara bangsa memastikan ia kekal mampan sebagai wadah organisasi-organisasi wanita peringkat kebangsaan. Tiga sudut pandang ideologi yang dibincangkan oleh Baradat¹ berdasarkan pandangan (i) de Tracy; (ii) Karl Marx dan Friedrich Engels; dan (iii) Karl Mannheim penting untuk memahami ideologi feminisme dan nasionalisme NCWO dan KOWANI. Bagi ahli falsafah Perancis Antoine Louis Claude Destutt de Tracy (1754-1836), ideologi ialah 'sains tentang idea'. Ia mengkaji proses pembentukan sesebuah pemikiran. Menurut Tracy, idea ataupun gagasan fikiran terbentuk daripada rangsangan persekitaran fizikal.² Berbeza dengan de Tracy, ahli falsafah Jerman, Karl Marx (1818-1883) dan Friedrich Engels (1820-1895) dalam karya *The German Ideology* menyatakan ideologi bukan sains tentang idea. Sebaliknya, ia merupakan konstruksi sekumpulan manusia untuk mengabsahkan diri mereka. Ideologi hanyalah alat kelas pemerintah dalam masyarakat.³ Pandangan ini turut diakui oleh ahli Sosiologi Jerman Karl Mannheim (1893-1947). Bagi Mannheim, analisis ideologi memerlukan penekanan sejarah kerana tiada ideologi dapat difahami sepenuhnya, melainkan idea itu difahami sejarah dan impaknya ke atas ideologi masa kini.⁴ Maka, selain memahami aspek ideologi politik NCWO dan KOWANI, ia turut menekankan kepentingan sejarah organisasi. Ini seperti dinyatakan oleh sejarawan Inggeris John Robert Seeley bahawa, "*History without political science has no fruit; Political science without History has not root*".⁵

Sebagai masyarakat pascakolonial, sejarah gerakan wanita di Malaysia dan Indonesia tidak dapat dipisahkan daripada konteks nasionalisme, baik perjuangan kemerdekaan mahupun pembinaan negara bangsa. Gerakan wanita di Malaysia bermula sejak kebangkitan nasionalisme era pra merdeka di Tanah Melayu. Agenda emansipasi wanita disalurkan dalam pemodenan pendidikan, aktivisme wanita dalam parti politik, kesatuan buruh dan persatuan wanita berteraskan kegiatan sosial dan kebajikan.⁶ Gerakan wanita Malaysia merangkumi empat fasa seperti dibincangkan oleh Ng et al.⁷ Empat fasa feminisme diidentifikasi berdasarkan motif aktivismenya iaitu (i) nasionalisme pada era pra merdeka; (ii) sosial pada tahun 1958 hingga 1969; (iii) politik pada 1970-an sehingga 1990-an; dan (iv) *market-driven* sejak pasca gerakan politik Reformasi 1998. Setiap fasa meliputi jangka masa

khusus, dengan fokus isu berbeza. Selain itu, Nik Safiah & Rokiah⁸ turut meneliti sejarah gerakan wanita dalam perjuangan hak dalam empat fasa iaitu (i) era pra merdeka; (ii) era pasca merdeka dari tahun 1957 sehingga 1960-an; (iii) era tahun 1970-an dan 1980-an; dan (iv) era 1990-an dan awal abad ke-21. Pada keempat-empat fasa tersebut, ideologi merupakan unsur penting yang membezakan gerakan wanita, walaupun secara dasarnya berpemikiran sama untuk pemerkasaan golongan wanita. Wujud kelompok wanita yang bersikap moderat dan bekerjasama dengan pihak kerajaan dengan asal-usul organisasi-organisasi lama yang mempunyai ikatan pengaruh gerakan wanita awal di Malaysia. Sementara itu, organisasi wanita pada dasawarsa 1980-an dan 1990-an lebih cenderung mendukung idea hak asasi manusia. Kumpulan-kumpulan ini lebih lantang dalam ruang awam, malah bersikap konfrontasional dengan pihak kerajaan.

Sementara itu, susur sejarah gerakan wanita Indonesia berdasarkan kerangka oleh KOWANI terbahagi kepada enam fasa.⁹ Gerakan wanita dikerangkakan oleh Sukanti¹⁰ kepada tujuh periode iaitu (i) periode 1912-1928, (ii) periode 1928-1942, (iii) periode 1942-1945, (iv) periode 1945-1950, (v) periode 1950-1959, (vi) periode 1959-1966 dan (vii) periode 1966-1975. Periode ini sama seperti digariskan oleh Farida iaitu 1967-1997 mengikut peredaran masa, dan tambahan periode 1998 hingga kini.¹¹

Oleh yang demikian, penjajaran ideologi NCWO dan KOWANI ini berlaku dalam fasa-fasa yang diuraikan tersebut. Dari sudut nasionalisme, ia berlaku mengikut dua fasa utama iaitu (i) pra merdeka dan (ii) pasca merdeka. Perbincangan para sarjana mengenai fasa-fasa gerakan wanita di Malaysia dan Indonesia secara lebih khusus memberikan konteks kepada pembentukan idea perjuangan NCWO dan KOWANI. Proses pembentukan ideologi berteraskan kerangka feminisme dan nasionalisme ini dijelaskan berdasarkan perbandingan antara NCWO dan KOWANI.

Feminisme dan Nasionalisme

Kajian oleh Jayawardena,¹² Basu,¹³ Forbes,¹⁴ Jacoby,¹⁵ Ting,¹⁶ Gull¹⁷ dan Muhammad Rahimi¹⁸ tentang feminisme dan nasionalisme menunjukkan perjuangan hak wanita atau emansipasi wanita boleh diselidiki menerusi dua latar nasionalisme iaitu (i) perjuangan kemerdekaan atau nasionalisme anti kolonial, dan (ii) pembinaan negara bangsa. Selain itu, fokus kajian feminisme dan nasionalisme ialah isu hubungan antara kedua-dua ideologi. Hubungan antara feminisme dan nasionalisme dapat dikategorikan kepada dua iaitu (i) 'hubungan saling melengkapi' kerana hubungan konstruktif antara satu sama lain sehingga kedua-duanya berupaya diharmonikan; dan (ii) 'hubungan saling berbalah' kerana hubungan destruktif antara satu sama lain sehingga berpotensi mengakibatkan konflik.

Sarjana-sarjana melihat potensi timbal balas yang positif antara gerakan feminisme dan nasionalisme lebih jelas dalam konteks pra merdeka. Sarjana-sarjananya termasuklah Jayawardena,¹⁹ Mies,²⁰ Moghadam,²¹ Forbes,²² Sunseri²³ dan Gull.²⁴ Hubungan ini disebabkan oleh keperluan aspirasi nasionalis yang memerlukan sokongan daripada golongan wanita, selain daripada golongan wanita sendiri yang tersosialisasi secara politik untuk mempunyai motivasi dan komitmen tinggi terhadap usaha pemodenan masyarakat dan perjuangan kemerdekaan. Meskipun begitu, sarjana-sarjana tersebut bersikap lebih skeptikal terhadap potensi nasionalisme untuk mengangkat agenda wanita pada era pasca merdeka iaitu setelah aspirasi nasionalis tercapai. Perbincangan Herr²⁵ dan Hee-Kang²⁶ bagaimanapun, lebih optimis terhadap keupayaan agenda nasionalisme dalam memajukan taraf wanita era pasca merdeka. Sudut pandang inilah yang kurang diperhatikan, lantas ingin diteroka melalui kes NCWO dan KOWANI.

Metodologi Kajian Perbandingan

Kajian kualitatif ini direka bentuk menggunakan kaedah-kaedah secara teknikal dan falsafah dalam kajian perbandingan seperti dibincangkan oleh Mahoney mengenai penjejakan process atau process tracing yang boleh menjelaskan penjajaran pemikiran agenda wanita dan agenda nasional ini.²⁷ Ia menekankan analisis sejarah atau institusi iaitu salah satu kaedah dalam subdisiplin sains politik iaitu politik perbandingan. Berdasarkan dua pendekatan utama iaitu *most similar system design* (MSSD) dan *most different system design* (MDSD), kajian ini dilaksanakan berpandukan kaedah MSSD.²⁸ Ia selari dengan realiti sampel yang dipilih iaitu dua buah negara di rantau Asia Tenggara atau lebih khusus lagi negara dalam ranah Nusantara. Peringkat analisis kajian ini pula adalah di peringkat pertengahan atau *meso-level* iaitu badan bukan kerajaan atau organisasi masyarakat sivil.

Data kajian dikumpulkan dan dianalisis menggunakan kaedah temu bual dan analisis dokumen terhadap bahan-bahan arkib nasional dan organisasi. Temu bual mendalam secara separa berstruktur dijalankan bersama tokoh-tokoh NCWO dan KOWANI. Temu bual dalam kajian ini diadakan bersama para tokoh pemimpin NCWO dan KOWANI yang terlibat secara langsung dan tidak langsung. Bagi memperkukuh maklumat, temu bual ini termasuk ahli keluarga pemimpin wanita yang telah meninggal dunia. Walaupun terdapat dalam kalangan informan yang tidak terlibat secara langsung, mereka adalah dalam kalangan pemimpin tertinggi organisasi NCWO dan KOWANI.

Kajian kepustakaan pula dilaksanakan terhadap dokumen-dokumen arkib NCWO di Petaling Jaya, Selangor dan KOWANI di Jl. Imam Bonjol, Jakarta, Indonesia. Bahan-bahan arkib ini menjadi sumber primer kepada penulisan sejarah wanita atau *women's history*, asalkan penyelidik mampu bersikap sabar dan teliti dalam pencarian bahan yang tentunya memerlukan serba sedikit kerenah birokrasi.²⁹ Selain itu, sumber primer tersebut diperoleh daripada Arkib Negara Malaysia (Kuala Lumpur); Arsip Nasional Republik Indonesia (Jl. Ampera Raya); Perpustakaan Nasional Republik Indonesia (Perpusnas).

Oleh itu, kaedah kajian ini mementingkan aspek-aspek serupa antara NCWO dan KOWANI yang bukan sahaja dua gabungan organisasi wanita terulung masing-masing di negara Malaysia dan Indonesia, malah aspek-aspek pengkaedahan yang lain seperti jenis sumber; aspek bandingan dan perspektif teori yang digunakan.

Ideologi Perjuangan Wanita NCWO dan KOWANI

Ideologi perjuangan NCWO dan KOWANI untuk wanita ialah aspek utama dalam perjuangan organisasi ini. Ideologi perjuangan wanita NCWO dan KOWANI ini boleh dilihat berdasarkan aspek (i) sejarah penubuhan, (ii) legal dan (iii) sudut pandang pemimpin. Dalam penjelasan mengenai ideologi perjuangan hak wanita, kita akan dapat membandingkan persamaan dan perbezaan ideologi perjuangan wanita oleh NCWO dan KOWANI.

NCWO dan Kemajuan Wanita di Malaysia

Sejarah NCWO bermula dengan perisytiharan dan kejayaan sambutan Hari Wanita Persekutuan Tanah Melayu pada 25 Ogos 1962. Ia dilaksanakan melalui kerjasama Jawatankuasa Sementara yang dianggotai lapan organisasi wanita yang bertekad untuk kepentingan wanita. Organisasi-organisasi wanita tersebut ialah (i) Persatuan Wanita Keristian Malaya, (ii) Pan Pacific South East Asia Women's Association, (iii) Pertubuhan Perkumpulan Perempuan Persekutuan Tanah Melayu, (iv) Persatuan Jururawat Persekutuan Tanah Melayu, (v) Persatuan Pemandu Perempuan Malaya, (vi) Persatuan Wanita Antarabangsa (vii) Kesatuan Guru-Guru Perempuan Persekutuan Tanah Melayu. dan (viii)

Majlis Kebajikan Wanita Islam Persekutuan Tanah Melayu.³⁰ Selain persekitaran domestik, faktor persekitaran global juga telah mempengaruhi pembentukan NCWO. Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) melancarkan Dekad Pembangunan Pertama (1960-1970) yang mendorong pertumbuhan gerakan sosial seperti gerakan wanita, kepenggunaan dan alam sekitar.³¹ Ikrar Perisytiharan Hari Wanita Persekutuan Tanah Melayu ini sendiri mengandungi mesej yang sarat dengan kepentingan wanita untuk persamaan dan keadilan iaitu, "...Kami Kaum Wanita Persekutuan Tanah Melayu akan berusaha ka-arah persamaan dan ke'adilan yang penoh dalam lapangan Siasah, Iktisad dan Masharakat...".³² Cita-cita ini diperkuat dengan dukungan konsep hak asasi manusia dalam Piagam PBB yang menyatakan, "...Kami Kaum Wanita Persekutuan Tanah Melayu akan mempertahankan Piagam Bangsa2 Bersatu mengenai Hak2 Asasi Ma'anusia...".³³ Selain itu, Persidangan Perhimpunan Hari Wanita turut merangkumi 13 ketetapan berkaitan wanita. Antara ketetapan tersebut adalah berkaitan perwakilan wanita, pindaan perlembagaan yang memihak kepentingan wanita, kedudukan dalam perkhidmatan awam dan penambahbaikan undang-undang keluarga.³⁴ Penubuhan NCWO menjadi titik baharu kemajuan wanita Malaysia. Pertama, ia menjadi manifestasi kesedaran elit dan intelektual wanita berpendidikan untuk menghidupkan kerjasama organisasi wanita bukan politik sebagai badan penasihat dan perundingan.³⁵ Kedua, kerjasama antara organisasi wanita bersifat politik dan bukan politik meyakinkan bahawa ketetapan seminar akan dapat dicapai menerusi sebuah majlis kebangsaan.³⁶ Ketiga, penubuhan NCWO dianggap penting untuk persatuan, kerjasama, keyakinan dan kesefahaman yang belum pernah terbentuk pada masa sebelumnya.³⁷

Selain itu, aspek legal iaitu Perlembagaan NCWO mengukuhkan lagi bahawa ideologi perjuangan NCWO bukan sekadar untuk kepentingan golongan wanita semata-mata, malah masyarakat dan golongan kanak-kanak dan warga emas. Fakta ini dapat difahami melalui perkara-perkara dalam Perlembagaan NCWO yang secara rasminya diguna pakai setelah dicadang, dipinda dan diterima dalam Mesyuarat Agung Penubuhan NCWO pada 25 Ogos 1963, di Dewan Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur.³⁸ Perlembagaan NCWO yang disediakan dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris mengandungi 12 Peraturan, berserta dengan Undang-Undang Kecil – 'Tabung Kebajikan dan Pelajaran. Berdasarkan Peraturan-peraturan Perlembagaan NCWO, jelas menunjukkan wanita menjadi keutamaannya. Ia dinyatakan dalam objektif NCWO itu sendiri dalam Peraturan 2 Maksud dan Peraturan 3 Tujuan-tujuan yang menyatakan NCWO bermatlamatkan untuk menghimpunkan pertubuhan wanita untuk kerjasama, sekali gus meninggikan taraf mereka dalam pelbagai lapangan termasuk kebajikan kanak-kanak.³⁹ Berdasarkan Perlembagaan NCWO, idea dan pemikiran para pengasas dan organisasi-organisasi awal NCWO dimaktubkan secara undang-undang, seterusnya garis panduan yang mengikat penjalanan NCWO.

Perspektif pemimpin wanita NCWO penting bagi menjelaskan ideologi perjuangan hak wanitanya. Dalam hal ini, ucapan Yang Dipertua NCWO Fatimah Hashim sebagai pemimpin tertinggi yang lama berkecimpung dalam pertubuhan ini penting untuk dihayati. Namun, ini tidak meniadakan sumbangan pemikiran tokoh-tokoh NCWO lain seperti Kamsiah Ibrahim, Rasammah Bhupalan, Fatimah Hamid Don dan Ramani Gurusamy. Sebelum penubuhan NCWO secara rasmi, Fatimah (1962) telah menyuarakan nasib wanita yang menurutnya, "...Mari-lah kita kaum wanita, mulai hari yang bersejarah ini bersatu padu dan berazam dengan semangat bertanggung jawab bagi memperjuangkan nasib kaum sejenis kita yang masih ketinggalan dan dahagakan pimpinan...". Hasrat beliau ini telah diperkuat semasa penubuhan NCWO pada tahun 1963 menyatakan, "...Perhimpunan ini ada-lah timbul-nya dari kasedaran dan dorongan dari Kaum Wanita sendiri yang berkehendakkan perubahan nasib dan taraf sajenis-nya di-sisi masharakat dan Banda yang telah Merdeka...". Suatu perkara yang perlu ditekankan di sini, gerakan wanita di Malaysia ini tidak berkiblatkan *Women's Liberation (Women's Lib)* seperti di sesetengah negara Barat. Ia tidak bersesuaian dengan realiti di Malaysia kerana tuntutan masyarakat adalah untuk peranan yang lebih besar dalam masyarakat dan

jauh sekali untuk menyamaratakan wanita dengan lelaki.⁴⁰ NCWO lebih mengutamakan kepentingan wanita berbanding agenda negara dan masyarakat, meskipun peranan wanita dalam tugas kenegaraan tersebut tidak sesekali dinafikan. Bagi Fatimah (1975):

“...Sebagai kaum wanita, kami mempunyai masalah-masalah tertentu yang perlu diselesaikan dahulu sebelum kami dapat menunaikan kewajipan-kewajipan kami terhadap negara dan masyarakat dengan berkesan. Perjuangan menuntut hak-hak dan kebebasan kaum wanita adalah kewajipan kami yang pertama, dan setelah mencapai kejayaan di peringkat ini barulah dapat kami memikirkan dengan sepe-nuhnya apakah pula kewajipan kami terhadap negara dan masyarakat...”.

KOWANI dan Perkembangan Wanita di Indonesia

Berbeza dengan pemikiran NCWO yang bersifat ‘tersirat’ berbanding ‘tersurat’, KOWANI menyatakan ideologinya secara lebih jelas. Terdapat konseptualisasi idea perjuangan wanita melalui konsep ‘Ibu Bangsa’. Ia dapat dibuktikan melalui sejarah yang bermula dengan tekad wanita untuk perjuangan kebangsaan Indonesia. Berdirinya Perikatan Perempoean Indonesia (PPI) pada tahun 1928 di Pendopo Jayadipuran, Yogyakarta, adalah satu ‘batu tanda’ kesejajaran perjuangan wanita dengan perjuangan kebangsaan di Indonesia kerana ia merupakan tahun termaterinya ‘Satu Bangsa, Satu Bahasa, Satu Negara – Indonesia’ melalui Sumpah Pemuda 1928.⁴¹ Dalam kongres yang pertama, agenda kemajuan wanita dan masyarakat menjadi matlamat utama, di samping tujuan gerakan kebangsaan Indonesia. Ia tidak bersifat konfrontasional terhadap lelaki tetapi menganjurkan kerjasama kerana kepercayaan kekuatan kedua-dua pihak saling melengkapi ke arah kemerdekaan; dan peningkatan kedudukan wanita dalam pendidikan, sosial dan budaya.⁴² Kongres-kongres awal dalam sejarah KOWANI adalah pada 1928 di Yogyakarta, 1935 di Jakarta, 1938 di Bandung dan 1941 di Semarang. Maksud, tujuan dan dasar yang diputuskan pada kongres pertama telah berkesinambungan untuk kepentingan organisasi wanita dan perjuangan kebangsaan.⁴³ Setelah itu, perkembangan politik di Indonesia pada Era Revolusi (1945-1949), Demokrasi Liberal (1950-1959), Demokrasi Terpimpin (1960-1965) dan Orde Baru (1966-hingga 1975) turut menunjukkan kedinamikan gerakan wanita. Namun, wanita menghadapi peminggiran peranan sehingga dianggap sebagai simbolik sahaja dalam gerakan dan peranan kenegaraan. Ia pada satu tahap telah ditakrifkan peranannya mengikut definisi pemerintah, dianggap sebagai aktor dalam pembangunan negara yang akhirnya mengkooptasi wanita.⁴⁴

Aspek legal dalam Anggaran Dasar dan Anggaran Rumah Tangga KOWANI turut memberikan penjelasan kepada idea dan pemikiran KOWANI. Gabungan elemen wanita dan negara bangsa tidak dipisahkan dalam ideologi KOWANI kerana kedua-dua elemen ini saling bersilih ganti. Pasal 6: Tujuan Anggaran Dasar KOWANI misalnya menunjukkan pemikiran wanita yang turut dipengaruhi pengalaman penjajahan dan perjuangan kemerdekaan iaitu, “...Mengisi kemerdekaan Negara Kesatuan Republik Indonesia dengan lebih meningkatkan dan mengarahkan kegiatan ke arah pembangunan...”; dan secara lebih jelas menyatakan bahawa mereka, “...Menginsyafi bahwa pergerakan Wanita Indonesia sesungguhnya merupakan bagian yang tidak dapat dipisahkan dari pergerakan bangsa Indonesia...”.⁴⁵ Kerapatan hubungan antara agenda wanita dengan agenda nasional dalam KOWANI juga adalah kerana dasar pemikirannya yang berasaskan Pancasila dan Undang-Undang Dasar 1945 (UUD 1945) dalam Mukadimah Anggaran Dasar KOWANI. Mukadimah ini menggariskan bahawa, “...Menyadari tanggung jawab Wanita terhadap keselamatan Bangsa dan Negara, untuk bersama-sama ikut membangun masyarakat adil dan makmur yang diridhoi Tuhan Yang Maha Esa berazaskan Pancasila dan Undang-Undang Dasar 1945...”. Maka, jelas bahawa KOWANI merupakan gerakan wanita yang menerima pengaruh nasionalisme kerana evolusi sejarah

perjuangan kemerdekaan dan pengisian kemerdekaan.

Selanjutnya, perjuangan wanita KOWANI boleh dijelaskan menerusi perspektif pemimpin-pemimpin KOWANI dan pemerintah Indonesia. Berdasarkan luahan pemikiran dan artikulasi para pemimpin, adalah sukar untuk menemui pemikiran perjuangan wanita *per se* dalam KOWANI. Perjuangan untuk wanita sering diartikulasikan dengan kepentingan agenda kebangsaan. Kenyataan-kenyataan dalam teks para pemimpin boleh menunjukkan bahawa agenda wanita diseirinkan dengan kepentingan perjuangan kebangsaan. Suyatin Kartowiyono contohnya menyatakan,

“...Jika 50 tahun yang lalu kaum wanita di Yogyakarta mempersatukan diri guna mengembangkan semangat nasional guna memperjuangkan Kemerdekaan Negara dan Bangsa, maka sekarang seluruh potensi Wanita Indonesia memperjuangkan Kesejahteraan Negara dan Bangsa dengan melibatkan diri dengan penuh dalam pembangunan...”⁴⁶

Pemikiran atau fikrah yang sama turut dikongsi oleh Sunaryo Mangunpuspito bahawa cita-cita kemerdekaan menjadi hasrat permulaan gerakan wanita Indonesia yang dilanjutkan dengan cita-cita untuk emansipasi wanita. Perkara ini dinyatakan bahawa, “...[K]ita mendapatkan yang dicita-citakan emansipasi wanita, sebagaimana dicantumkan dalam UUD fs. 27 yaitu persamaan hak, kesempatan dan perlakuan...”⁴⁷ Kelestarian idea atau pemikiran tentang kepentingan wanita dan agenda kebangsaan ini turut diakui oleh pemimpin KOWANI yang membahaskan pemikiran wanita dalam organisasi ini. Mengikut Corry,

“...KOWANI ingin perempuan Indonesia dan anak-anak Indonesia sejahtera dengan caranya. KOWANI bukan feminis yang ekstrem dan tidak mengakui lelaki. Tujuannya bukan itu. Pokoknya, tujuan dari KOWANI adalah untuk mengangkat, mensejahterakan dan mencerdaskan perempuan...”⁴⁸

Ideologi Pembinaan Negara Bangsa

NCWO dan KOWANI menghalakan pemikirannya ke arah agenda pembinaan negara bangsa. Hal ini merupakan suatu fakta yang menjadikan ideologi NCWO dan KOWANI sebagai suatu yang unik kerana hal-hal berkaitan wanita seperti kepentingan hak wanita; pemerdayaan wanita; kesamarataan wanita dan lelaki; dan keadilan gender yang seharusnya menjadi fokus perjuangan organisasi wanita telah diakomodasikan dengan kepentingan nasionalisme iaitu pembinaan negara bangsa.

NCWO dan Pembinaan Negara

Sejak penubuhannya, NCWO terlibat sama dalam perkara-perkara yang berkaitan pembinaan negara dan berkerajaan sendiri. Gerakan wanita secara umumnya dipengaruhi suasana euforia kebebasan, sehubungan dengan kemerdekaan tanah air tanggal 31 Ogos 1957.⁴⁹ Cetusan idea dan langkah pembentukan NCWO pada tahun 1960 tiada kaitan konkrit dengan kemerdekaan, tetapi lebih merupakan suatu perkembangan baharu yang didorong oleh isu wanita pada masa itu yang mula terlibat dalam dunia pekerjaan.⁵⁰ Namun begitu, kemerdekaan ialah konteks baharu bagi kemajuan wanita Malaysia. Penubuhan NCWO pada tahun 1963 yang menyatukan wanita pelbagai etnik di bawah sebuah majlis belum pernah berlaku sebelum kemerdekaan Tanah Melayu.

Seperti dijelaskan bahagian sebelum ini, Hari Wanita Persekutuan Tanah Melayu 1962 dianjurkan sebelum penubuhan rasmi NCWO. Kenegaraan dan tanggungjawab wanita dalam pembangunan masyarakat adalah tunjang utama ikrar Perisytiharan Hari Wanita. Dalam ikrar tersebut, unsur kenegaraan didahulukan berbanding unsur wanita. Unsur seperti (i) tanah air, (ii) Raja, dan (iii) kepentingan nasional diutamakan dalam Perisytiharan Hari Wanita Persekutuan Tanah Melayu (1962) seperti berikut,

“...Kami Kaum Wanita Persekutuan Tanah Melayu mengaku ta’at setia kami yang tidak berbelah bagi kepada Negara Persekutuan Tanah Melayu ini...”.

“...Kami Kaum Wanita Persekutuan Tanah Melayu mengaku sa-penoh2 ta’at setia kami ka-bawah Duli2 Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong...”.

Kewujudan unsur kenegaraan boleh dijelaskan melalui pengaruh idea Fatimah Hashim dan Rasammah Bhupalan dalam Perisytiharan Hari Wanita. Mereka berperanan secara langsung dalam perjuangan pra kemerdekaan.⁵¹ Sehubungan itu, unsur kebertanggungjawaban wanita terhadap proses nasional diungkapkan menerusi agenda pembinaan negara. Maka, kewujudan unsur nasionalisme dalam NCWO bererti agenda perjuangan hak wanita atau feminisme bukan satu-satunya pemikiran dasar NCWO.

Selain itu, Hari Wanita dianjurkan pada setiap 25 Ogos, sebelum sambutan Hari Kebangsaan pada 31 Ogos. Sambutan Hari Wanita merupakan inisiatif Tunku Abdul Rahman yang mengusulkan sambutan diadakan sebelum ulang tahun kemerdekaan. Tanggungjawab penganjuran Hari Wanita digalaskan atas NCWO, selain dimaktubkan dalam Perlembagaan NCWO. Menurut tokoh NCWO Ramani,

*“...Our late Tunku Abdul Rahman, he then told, call for all the women to celebrate Hari Wanita. He declared 25th of August every year, NCWO must organize Hari Wanita to celebrate one week before the National celebration. NCWO must lead because in our Constitution we need to observe Hari Wanita...”.*⁵²

Bagi Yang Dipertua NCWO Sharifah Hapsah (2019), beliau berpandangan pemikiran Tunku Abdul Rahman tentang sambutan Hari Wanita sebelum Hari Merdeka berkait dengan peranan wanita sebagai aset penting dalam proses pembangunan negara. Menurut Sharifah Hapsah (2019), “...Tunku Abdul Rahman memberi tarikh 25 Ogos, seminggu sebelum 31 Ogos. Mengikut Tun Fatimah Hashim. Tunku kata, “Kita raikan wanita dahulu sebelum kita raikan Hari Kebangsaan”...”. Mesej jelas daripada pilihan tarikh Hari Wanita ini ialah betapa pentingnya wanita dalam sambutan kebangsaan yang mana Hari Wanita didahulukan sebelum sambutan Hari Kebangsaan.

Sepanjang perjalanan NCWO pada dekad 1960-an dan 1970-an, peranan wanita dalam pembangunan negara menjadi mantera yang tidak pernah lekang dalam fikiran pemimpin NCWO. Perjuangan NCWO tidak berdasarkan diskriminasi jantina semata-mata. Agenda perjuangan NCWO digandungi rasa tanggungjawab wanita dalam agenda pembangunan negara dan masyarakat. Kesedaran ini malah dizahirkan sebelum NCWO ditubuhkan secara rasmi. Semasa ucapan sempena Hari Wanita 1962, Fatimah Hashim menyatakan wanita mempunyai tugas mengisi kemerdekaan dengan cara menjalankan tanggungan dan kewajiban terhadap masyarakat.⁵³ Tanggungjawab wanita dalam pembangunan negara dan masyarakat yang diikrarkan pada Hari Wanita 1962 diulang oleh para pemimpin NCWO sebagai asas perjuangan.

Pemikiran para pemimpin NCWO tentang peranan wanita dalam pembangunan negara dan masyarakat mempunyai tumpuan khusus. Pertama, peranan wanita berbentuk kerjasama dengan lelaki bagi mendatangkan faedah untuk masyarakat dan negara.⁵⁴ Kedua, asas kemajuan dan keamanan negara yang dimainkan wanita bukan peranan dalam ruang awam, sebaliknya ruang domestik iaitu rumah tangga, anak-anak dan ahli keluarga. Peranan sedemikian sering dianggap suatu kebiasaan masyarakat, tetapi hakikatnya ialah sumbangan besar wanita terhadap negara.⁵⁵ Ketiga, wanita memainkan tanggungjawab sebagai pengasuh anak-anak iaitu generasi yang mewarisi negara. Sebagai seorang ibu, wanita berperanan menentukan dan membentuk nasib generasi muda menerusi didikan rohani dan jasmani.⁵⁶ Keempat, wanita perlu menggalas peranan dan tanggungjawab dalam usaha pelaksanaan dasar dan pemelihara kepentingan nasional oleh kerajaan.⁵⁷ Dalam hal ini, wanita bukan sahaja berkhidmat dalam Kerajaan Malaysia, malah menterjemah dasar untuk masyarakat.

Selain pengaruh fikiran pemimpin NCWO, ideologi pembinaan negara adalah pengaruh pemikiran pemimpin (lelaki) Kerajaan Malaysia. Ideologi pembinaan negara telah menjadi tema utama titah ucapan dan ucapan-ucapan para pemimpin dalam acara anjuran NCWO. Titah Raja Permaisuri Agong pada Hari Wanita 1962 mengandungi pemikiran peranan wanita dalam pembangunan tanah air. Peranan wanita disifatkan perlu dan terbukti penting dalam masyarakat, sekali gus wanita diharapkan terus menyumbang dalam segenap aspek pembangunan negara. Raja Permaisuri Agong menzahirkan, "...Sejak berkurun-kurun lama-nya kaum wanita kita telah mengambil bahagian dan memainkan peranan penting dalam membina kehidupan dan membangunkan Negara kita...".⁵⁸ Berbanding hak wanita, gagasan dalam titah itu ialah tanggungjawab wanita terhadap masyarakat, bangsa dan negara.⁵⁹

Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman memberi sokongan terhadap sambutan Hari Wanita 1962—juga merupakan idea beliau. Berdasarkan perutusan, Hari Wanita diadakan bagi menghargai jasa dan pengorbanan wanita. Sumbangan wanita bagi Tunku Abdul Rahman, adalah adaptasi sifat wanita dalam rumah tangga dan keluarga yang disesuaikan dengan hidup bernegara.⁶⁰ Begitu juga Timbalan Perdana Menteri Tun Abdul Razak menekankan peranan wanita dalam pembangunan negara sebagai kerjasama wanita dan lelaki untuk meningkatkan taraf kehidupan. Wanita disifatkan sebagai 'Tiang Negara Kita'.⁶¹ Kenyataan-kenyataan ini diulangi lagi pada tahun 1963, di ambang penubuhan Malaysia pada 16 September 1963. Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri menegaskan harapan sama bahawa wanita diiktiraf dan didorong agar terlibat aktif dalam agenda pembangunan negara—bukan dalam keluarga sahaja.⁶² Di samping itu, dalam proses penubuhan Malaysia, selari dengan komitmen NCWO sebagai majlis wanita kebangsaan, wanita disyorkan untuk memupuk persahabatan dan kerjasama dengan golongan wanita di Sabah, Sarawak dan Singapura.⁶³ Peristiwa-peristiwa tersebut menunjukkan bahawa sebelum penubuhan rasmi NCWO, pemimpin Malaysia telah mengagagaskan pemikiran mereka ke atas majlis wanita untuk kemajuan negara.

Selain pemikiran peranan wanita dalam pembangunan untuk menyokong dasar-dasar pihak kerajaan, wanita turut didorong berperanan sebagai pendidik generasi muda mengenai Rukunegara 1970. Peranan wanita ini berkisarkan nasionalisme berbanding usaha berkaitan isu bersifat kewanitaan atau keadilan gender. Bagi generasi muda, Rukunegara ialah ideologi nasional yang bertujuan membentuk "...[M]anusia yang sempurna dan berguna kepada negara...".⁶⁴ Dalam hal ini, Perdana Menteri Tun Abdul Razak berpandangan peranan wanita sebagai ibu kepada anak adalah lebih daripada seorang bapa kerana terhadap ibulah anak-anak bergantung sejak lahir hingga memasuki alam persekolahan. Penerapan prinsip-prinsip Rukunegara bukan sahaja perlu dilaksanakan di sekolah melalui guru, bahkan lebih berkesan jika ibu sebagai 'tangan yang menghayun buaian' memperluas pendidikan dan amalan Rukunegara.⁶⁵ Selain peranan keibubapaan, para pemimpin wanita dalam NCWO diharap memainkan peranan bimbingan segenap lapisan wanita Malaysia bagi memahami Rukunegara.⁶⁶ Di samping itu, wanita diharapkan berperanan memastikan kejayaan rancangan

kerajaan untuk pembangunan negara yang semakin kritikal semasa awal dekad 1970-an dengan pelancaran DEB yang seiring dengan rancangan pembangunan lima tahun Malaysia iaitu Rancangan Malaysia Kedua (RMK-2) dan Gerakan Pembaharuan.⁶⁷

KOWANI dan 'Ibu Bangsa'

KOWANI memiliki ideologi khusus dalam pembinaan negara bangsa iaitu Ibu Bangsa. Konsep Ibu Bangsa telahpun digagaskan selama sedasawarsa sebelum kemerdekaan melalui Kongres Perempuan Indonesia Kedua, di Jakarta, pada 20-24 Julai 1935. Ketetapan kongres adalah untuk meningkatkan gerakan wanita Indonesia dengan meletakkan kewajiban utama peranan Ibu Bangsa dalam pendidikan generasi baharu yang lebih sedar akan kebangsaannya.⁶⁸ Di samping itu, ketetapan ini bertujuan untuk mewujudkan hubungan baik dengan generasi muda, menyeimbangkan persefahaman hubungan antara generasi, justeru memerlukan sikap saling menghargai dan tidak menonjol diri.⁶⁹ Keluwesan konsep Ibu Bangsa memastikan ia lestari. Peranan wanita dalam bernegara bangsa diadaptasi dengan tuntutan semasa. Bahagian ini menjelaskan konsep Ibu Bangsa oleh pemimpin KOWANI dahulu dan kini, serta peranan wanita yang mengukuhkan Ibu Bangsa.

Ibu Bangsa digagaskan Sri Mangunsarkoro pada Kongres Perempuan Indonesia Kedua 1935.⁷⁰ Beliau ialah pengasas Wanita Taman Siswa, Ketua PPII dan pemimpin Kongres Perempuan Indonesia Kedua 1935, bersama dengan Sh. Suparto. Pengenalan Ibu Bangsa ini bersesuaian dengan dasar Kongres Perempuan Indonesia Kedua 1935 iaitu (i) kenasionalan, (ii) kesosialan, (iii) kenetralan, dan (iv) keperempuanan.⁷¹ Dasar 'keperempuanan' ini bererti kegiatan Kongres adalah bertujuan untuk membuka jalan kepada wanita ke arah kemajuan dan ketertinggian darjat bagi menunaikan kewajiban Ibu Bangsa.⁷² Dalam konteks Kongres Perempuan Indonesia Kedua 1935, Sri Mangunsarkoro menyampaikan ideal peranan wanita di Indonesia dalam gagasan Ibu Bangsa yang mengikut beliau bahawasanya,

“...Dalam kewadajiban mempertahankan toeroenan itoe, pekerdjaan perempoean dan laki dalam pokoknja berbéda. Pekerdjaan perempoean ialah memelihara toeroenan, pekerdjaan lelaki mendjaga toeroenan. Dalam sikap perempoean terhadap pada toeroenan itoelah letaknja kepentingan arti perempoean sebagai „Iboe Bangsa”. Sebagai „Iboe Bangsa” perempoean Indonesia berkewadajiban jang loehoer , ialah menimboelkan Bangsa Indonesia jang baroe, jang tegoe dan koeat, lahir dan batin...”⁷³

Berdasarkan pengertian Ibu Bangsa, jelas bahawa wanita diseru berperanan atas kedudukan khususnya sebagai ibu kepada anak-anak atau generasi baharu Indonesia. Bagi tujuan itu, bukan sahaja soal kualiti generasi penerus bangsa Indonesia ditekankan oleh Sri Mangunsarkoro, bahkan soal populasi menjadi peranan Ibu Bangsa,

“...Di Indonesia kewadajiban „Iboe Bangsa” jang terpenting pada dewasa ini ialah membesarkan djoemlah poetera dan poeteri Indonesia jang siap mengorbankan diri dengan soetji hati oentoek keperloean perdjoengan bangsa akan mentjapai tingkat jang sama dengan bangsa-bangsa lain didoenia ini...”⁷⁴

Berdasarkan petikan di atas, perjuangan bangsa untuk mencapai taraf yang sama dengan bangsa-bangsa lain memerlukan peranan Ibu Bangsa untuk melahirkan kekuatan generasi baharu sebagai tulang belakang bangsa Indonesia baharu. Kewajiban wanita sebagai Ibu Bangsa dengan

asas Keperempuan diulangi semasa Kongres Perempuan Indonesia Ketiga 1938, di Bandung, atas pimpinan Emma Poeradiredja. Bagi tujuan itu, ia memerlukan wanita menuntut hak berdasarkan kudrat dan kewajiban. Bagi menuntut hak, wanita perlu menunaikan kewajiban mereka terlebih dahulu, dan ia memerlukan kepimpinan yang kuat. Dalam menuntut hak, wanita mesti berpegang teguh kepada (i) keadilan, (ii) kelurusan hati, (iii) rasa tanggungjawab, dan (iv) kebenaran.⁷⁵

Jelasnya, Ibu Bangsa bukan pemikiran yang terbatas, tetapi konsep yang rentas waktu. Ibu Bangsa terus disuarakan pada zaman pasca merdeka. Ketika Kongres Wanita Indonesia Kelima 1945, di Klaten iaitu kongres pertama setelah merdeka, tujuan pertamanya adalah untuk 'mempersamakan ideologi'. Berikutan itu, PERWANI dan WANI dibubarkan menjadi PERWARI. PERWARI yang berteraskan nilai (i) Ketuhanan, (ii) kebangsaan, dan (iii) kerakyatan memberi pendidikan politik kepada anggota bagi tujuan kesedaran hak dan kewajiban wanita sebagai warganegara dan Ibu Bangsa rakyat Indonesia.⁷⁶ Ketika Peringatan Seperempat Abad Kesatuan Pergerakan Wanita Indonesia, pada 22 Disember 1953, Ibu Bangsa masih merupakan konsep peranan wanita Indonesia pasca merdeka. Panji Hari Ibu yang dirasmikan pada 22 Disember 1953 menerapkan gagasan Ibu Bangsa iaitu, "... Dengan Pandji „Hari Ibu” itu marilah kami sekalian melaksanakan kewadajiban „Ibu bangsa” kita jang bersembojan: „Merdeka melaksanakan Dharma”...”.⁷⁷ Cita-cita Ibu Bangsa dilambangkan melalui Bunga Ibu pada Panji Hari Ibu.⁷⁸

Pemimpin KOWANI sendiri menerima pengaruh pemikiran Presiden Indonesia Sukarno yang merupakan Pelindung Yayasan Hari Ibu KOWANI, melalui karya novel *Sarinah*. Pengaruh *Sarinah* terhadap pemikiran KOWANI dalam ucapan Sri Mangunsarkoro semasa Peringatan Seperempat Abad Kesatuan Pergerakan Wanita Indonesia 1953 sangat terilham dengan idea kewanitaan dalam *Sarinah*, sehingga wanita Indonesia digelar sebagai 'kaum Sarinah'.⁷⁹ Sehubungan itu, bagaimanakah pemikiran pemimpin pemerintah Indonesia tentang Ibu Bangsa dalam perjuangan negara bangsa Indonesia? Sukarno dalam amanat sempena Peringatan Hari Ibu, di Istana Negara, Jakarta, pada 21 Disember 1963, menyatakan bahawa Indonesia memiliki Keperibadian sendiri—dalam pembinaan negara berasaskan UUD 1945, Sosialisme Indonesia, Demokrasi Terpimpin, Ekonomi Terpimpin dan Keperibadian Indonesia (USDEK)—yang mana salah satu inti Keperibadian Indonesia ialah mengagungkan ibu, malahan tanah air dipanggil sebagai ibu pertiwi.⁸⁰ Pemikiran mengenai 'ibu' bukan suatu yang asing, tetapi sinonim dengan 'negara'. Bagi keceratan hubungan 'ibu' dan 'negara', Sukarno menyatakan,

“...[T]atkala kita mempunjai satu Keradjaan yang besar, sesudah Sriwidjaja, sesudah Madjapahit, kita namakan Keradjaan kita itu Mataram. Apa artinja Mataram? Ibu. Mataram, barangkali Saudara-Saudara ingat suaranya Mataram seperti Mutter, bahasa Djerman, artinja moeder, ibu; mother, bahasa Inggris, artinja ibu; mater, bahasa Latin, artinja ibu...”⁸¹

Sehubungan itu, konsepsi Ibu Bangsa bagaimanakah yang dihasratkan Sukarno daripada wanita Indonesia untuk tujuan pembinaan negara bangsa? Periode Demokrasi Terpimpin menyaksikan Sukarno ingin memastikan perjuangan wanita seiring dengan agenda pemerintah Indonesia. Sukarno dalam pidato beliau menyatakan,

“...Kaum wanita, awas, waspadalah, rapatkan barisanmu dengan laki-laki, rapatkan barisanmu dengan Pemerintah, dan aku pimpin. [...] Djalankanlah segala aksi itu sesuai dengan apa jang ditentukan oleh Pemerintah. [...] Di samping itu Saudara-Saudara wanita, sempurnakanlah engkau punja diri. Disamping itu wanita, tjarilah kedudukan jang sama dengan kaum laki-laki. Disamping itu marilah kita selalu tetap

bersatu dengan Ibu Pratiwi...”.⁸²

Seruan Sukarno jelas berhasrat agar wanita Indonesia berperanan seperti tahap ketiga gerakan wanita yang dinyatakan dalam *Sarinah* iaitu gerakan yang bergandingan dengan lelaki untuk mencapai cita-cita yang lebih tinggi bagi tujuan nasional. Namun, ia juga tidak mengkesampingkan tahap pertama gerakan wanita iaitu gerakan kemajuan wanita mengikut kudratnya dan, tahap kedua iaitu gerakan wanita untuk persamaan hak antara wanita dengan lelaki.⁸³

Pemikiran tersebut diperkukuh pada era Orde Baru, di bawah Presiden Suharto. Di pihak KOWANI, pengaruh pemikiran pemerintah secara langsung disampaikan pada sambutan Peringatan Hari Ibu, bertarih 22 Disember setiap tahun. Wanita bukan sahaja perlu memenuhi agenda perjuangan negara bangsa, seperti menurut Suharto,

“...Perdjoangan kaum ibu, perdjoangan kaum wanita—demikian djuga perdjoangan setiap golongan atau kekuatan-kekuatan sosial-politik-ekonomi dalam masyarakat kita—harus merupakan bagian daripada keseluruhan perdjoangan kesatuan Bangsa...”⁸⁴

Akan tetapi, ibu-ibu di Indonesia turut diseru menjalankan peranan dalam rumah tangga dengan mencegah dan membanteras suami daripada melakukan tindakan merugikan negara dan masyarakat, selain pembinaan keperibadian Bangsa Indonesia dalam kalangan belia yang semakin merosot moralnya dan mengancam ketertiban umum.⁸⁵ Pada ambang Tahun Wanita Antarabangsa 1975, dalam pidato Suharto sempena Peringatan Hari Ibu, di Jakarta, 23 Disember 1974, telah diimbau kembali sejarah KOWANI pada era pra kemerdekaan dengan ingatan terhadap kesedaran wanita terhadap perjuangan bangsa yang seiring dengan konsep Ibu Bangsa. Menurut Suharto,

“...Sangat jelas dari catatan sejarah itu bahwa kaum wanita telah puluhan tahun yang lalu sadar akan peranannya dalam perjoangan bangsanya. Kesadaran ini harus kita pupuk terus, melalui perenungan kembali sejarah masa lampau, melalui perbuatan-perbuatan nyata masa sekarang dan untuk mewujudkan cita-cita di masa akan datang...”⁸⁶

Kesedaran itu menurut Suharto amat kritikal pada era pembangunan Indonesia. Agenda pembangunan bukan hanya berpunca dari dalam iaitu berdasarkan keperluan masyarakat Indonesia sendiri yang tentunya paling mustahak. Lebih daripada itu, usaha ke arah pembangunan merupakan ideologi peringkat antarabangsa oleh PBB menerusi penganjuran Tahun Wanita Antarabangsa 1975 bertemakan Persamaan, Pembangunan dan Perdamaian. Di Indonesia, bagi Suharto,

“...Sudah semestinya bangsa Indonesia menyambut dan berpartisipasi dalam melaksanakan resolusi PBB itu. Dengan sendirinya, pelaksanaannya di Indonesia harus tetap memantulkan warna dasar dari keperibadian Indonesia sendiri dan kita arahkan untuk mempercepat jalannya pembangunan...”⁸⁷

Oleh yang demikian, berdasarkan pemikiran Presiden Indonesia, Sukarno (1945-1966) dan Suharto (1967-1998), pemerintah Indonesia mempunyai ideologi tersendiri mengenai gerakan wanita, khususnya terhadap KOWANI yang mempunyai ideologinya sendiri iaitu Ibu Bangsa. Konsep ‘ibu’ yang diwacanakan sebagai ‘ibuisme negara’ atau *state ibuisism* berdasarkan kaca mata pemerintah Indonesia, khususnya ketika zaman Orde Baru, malahan dikritik Suryakusuma sebagai manipulasi

ideologi. Hal ini kerana wanita diberikan citra sebagai 'pilar bangsa', tetapi realitinya dimanipulasikan idea 'peningkatan penglibatan wanita dalam pembangunan negara' sebagai alat mobilisasi wanita untuk kepentingan kuasa negara.⁸⁸

Sehubungan itu, jelas bahawa Ibu Bangsa ialah gagasan yang direkayasa oleh KOWANI bagi menempatkan diri dalam perjuangan kebangsaan di Indonesia semasa era pra merdeka. Ia berterusan dalam pada zaman pasca merdeka dengan tujuan baharu pembinaan negara bangsa, tetapi terdedah kepada manipulasi ideologi oleh pemerintah. Akan tetapi, Ibu Bangsa berperanan sebagai ideologi KOWANI yang merentas zaman, sehingga kini. Walaupun terdapat kritikan, pragmatisme Ibu Bangsa ini menjadikannya terus lestari mengikut kesesuaian zaman. Ia masih kekal menjadi semangat KOWANI.

Mengikut Ketua Umum KOWANI, Giwo Rubianto Wiyogo, Ibu Bangsa ialah kewajiban bagi wanita Indonesia dalam kehidupan berbangsa dan bernegara. Wanita Indonesia seharusnya menyedari kepentingan pendidikan, hak dan kewajiban, kesihatan dan masa hadapan bangsa. Ibu Bangsa sendiri menjadi representasi perbuatan atau kegiatan sosok 'ibu' yang mengabdikan diri dengan tulus ikhlas, mengasuh tanpa tujuan kepentingan peribadi, mendidik bagi membentuk keperibadian yang baik dan menanam rasa cinta yang kuat.⁸⁹ Bagi Giwo Rubianto Wiyogo, Ibu Bangsa ialah,

“...Wanita yang aktif berperan membangun bangsa dan negara melalui pengabdian yang tulus, tanpa pamrih, mendidik dan menyiapkan anak bangsa, generasi penerus bangsa yang cinta tanah air, berakarakter terbaik, berwawasan kebangsaan, sehat jasmani rohani, cerdas, dan mampu bertanggungjawab atas masa depan bangsa...”⁹⁰

Analisis dan Perbincangan: Agenda Wanita dan Agenda Nasional NCWO dan KOWANI

Bahagian ini membandingkan sifat hubungan agenda wanita dan agenda nasional dalam NCWO dan KOWANI. Ideologi sebagai cerminan kepentingan kelas pemerintah memperlihatkan penjajaran kepentingan golongan wanita dan kepentingan kerajaan atau pemerintah. Manifestasi kepentingan kelas jelas apabila pihak pemerintah secara konsisten menerapkan idea mengenai penglibatan dan peranan wanita dalam pembangunan masyarakat dan negara. Kedua-dua pihak NCWO dan KOWANI menerima pengaruh daripada pihak kerajaan mengenai keperluan wanita terlibat menyokong agenda pembinaan negara. Peranan NCWO dan KOWANI semakin jelas bertujuan untuk kepentingan pembangunan negara menjelang akhir 1960-an, lebih-lebih lagi pada 1970-an. Pengenalan DEB di Malaysia di bawah RMK-2 dan Rencana Pembangunan Lima Tahun (Repelita) di Indonesia, selain penganjuran Dekad Wanita Antarabangsa (1975-1985) oleh PBB bertemakan 'wanita dalam pembangunan'.

Cerminan kepentingan kerajaan dilihat menerusi idea yang mengikutsertakan NCWO dan KOWANI dalam memenuhi kepentingan nasionalisme. Di Malaysia, pihak kerajaan mendapatkan sokongan wanita melalui NCWO dalam usaha pembentukan Malaysia dan pelaksanaan Rukunegara. Di Indonesia, pemerintah turut mendapatkan dukungan wanita menerusi KOWANI dalam Revolusi Nasional dan kempen anti neokolonialisme-kolonialisme-imperialisme (Nekolim) seperti konfrontasi Ganyang Malaysia, perjuangan Irian Barat, dan negara Asia-Afrika. Selain itu, sejarah menjelaskan penjajaran pemikiran agenda wanita dengan agenda nasionalisme. Sejarah di sini merujuk kepada dua sudut. Pertama, sejarah nasional Malaysia dan Indonesia iaitu perjuangan anti kolonial dan pembinaan negara bangsa. Kedua, sejarah pembentukan dan perkembangan NCWO dan KOWANI. Naratif sejarah nasional ini mempengaruhi pemikiran pemimpin NCWO dan KOWANI sebagai feminis *cum* nasionalis, sekali gus mempengaruhi hala tuju NCWO dan KOWANI berlandaskan agenda wanita dan nasional.

Definisi ideologi feminisme-nasionalisme bersesuaian takrifan West iaitu pemikiran yang bertujuan untuk hak wanita dan matlamat nasionalis dalam pelbagai konteks sosial, ekonomi dan politik.⁹¹ Di samping itu, Ng et al. menekankan faktor penindasan kolonial, bukan semata-mata faktor patriarki.⁹² Ia bersesuaian NCWO dan KOWANI yang bergiat dalam konteks pascakolonial, menghadapi persoalan atau masalah warisan kolonial, serta kerencaman konteks sosial, ekonomi dan politik. Kepelbagaian konteks nasional berupaya menekan kemajuan agenda wanita, khususnya oleh negara dan birokrasi, bukan faktor patriarki sahaja. Ia menimbulkan pemikiran bahawa gandingan agenda feminisme dan nasionalisme berupaya memenuhi agenda wanita. Di samping itu, ia bukan ideologi feminisme seperti di Barat, tetapi pembentukan idea dalam konteks tempatan. Perjuangan hak wanita NCWO dibezakan dengan feminisme di Barat oleh Fatimah Hashim yang menidakkan *Women's Lib* serupa dengan gerakan wanita Malaysia.⁹³ Pemimpin awal NCWO Fatimah Hamid Don turut menafikan pengaruh pemikiran feminisme meskipun semasa pengajian di London, United Kingdom pernah mengikuti perkembangan gerakan feminis.⁹⁴ Fatimah Hamid Don menegaskan,

“...Di United Kingdom, UK masa itu kan belum gaji sama lagi. Jadi, semasa itu tengah hangat memperjuangkan *equal pay, equal condition of world*. Ada menyertai. Ada juga mendengar ucapan dan syarahan. Semasa kita memperjuangkan, kita jangan terikut-ikut dengan apa yang berlaku di UK. Walaupun di UK berjuang, kita pun berjuang sama juga. Tetapi kita cara kita. Tetapi itu bukan Malaysian punya. Itu persatuan Barat lah...”⁹⁵

Berdasarkan jawapan Fatimah Hamid Don, beliau tidak dipengaruhi ideologi feminisme dari Barat. Sebaliknya menekankan ‘kita cara kita’ sebagai suatu pembuktian bahawa gerakan wanita di Malaysia mempunyai identiti sendiri. NCWO menangani isu-isu wanita tempatan. Menurut Nik Safiah pula, perjuangan wanita Malaysia dan wanita Barat berbeza kerana,

“...Di sini perjuangannya adalah untuk meningkatkan taraf wanita supaya lebih bernasib baik dan lebih dihormati. Di Barat, mereka ingin ‘berdiri sama tinggi, duduk sama rendah’. Apa yang lelaki lakukan, mereka ingin lakukan. Ke mana lelaki pergi, mereka ingin pergi. Kita tidak. Berlainan dengan perspektif Barat. Kita berjuang untuk meletakkan wanita pada kedudukan yang lebih tinggi. Mereka berjuang untuk kedudukan yang sama dengan lelaki...”⁹⁶

Penafian ideologi KOWANI sebagai perjuangan hak wanita seperti wanita Barat dinyatakan oleh Lasiyah Soetanto, “...[P]ergerakan wanita Indonesia memperjuangkan tercapainya kemerdekaan dengan pembangunan bangsa dan negara. Hal inilah yang membedakannya dengan corak perjuangan emansipasi wanita di dunia Barat...”⁹⁷ Begitu juga Corry Soekotjo yang menegaskan bahawa KOWANI bukan jalur feminisme ekstrem seperti di negara luar Indonesia.⁹⁸

Bagi NCWO, meskipun organisasi-organisasi wanita yang menganggotainya ialah organisasi wanita yang sebelum merdeka, ia tidak mempunyai pernyataan ideologi yang jelas untuk memenuhi objektif nasionalisme. Idea awal Jawatankuasa Sementara bertujuan untuk peranan perundingan dan penasihat. Isu semasa itu ialah wanita mula terlibat secara besar-besaran dalam pekerjaan, sekali gus mengakibatkan diskriminasi terhadap wanita. Namun, organisasi wanita tidak mempunyai sebuah wadah kebangsaan. Hal ini mendorong penubuhan NCWO seperti dinyatakan oleh Rasammah,

*"...The formation of this council was a major step forward in the history of the women of the federation of Malaya. Unity, Co-operation, Faith and Understanding were to be the keynotes of the Council. The dynamic leadership leadership it would give to women's organisations would enable them to pursue in a more positive and constructive manner the work they engaged in so that the women of this nation could assume their rightful place in society..."*⁹⁹

Berbeza dengan KOWANI, pembentukannya dikaitkan dengan sejarah Kongres Perempuan Indonesia Pertama 1928. KOWANI diinspirasi oleh kesedaran nasionalisme di Indonesia. Ucapan Sri Mangunsarkoro yang dibacakan Ny. Tuti Harahap, sempena Peringatan Seperempat Abad Kesatuan Pergerakan Wanita Indonesia, pada tanggal 21 Disember 1953, di Istana Negara Jakarta, menyatakan,

*"...Sedjarah Kesatuan Pergerakan Wanita Indonesia dari awal mulanja memang tidak dapat dipisah-pisahkan dengan sedjarah perdjoangan Tanah-Air dan Bangsa. Kesatuan Pergerakan Wanita Indonesia itu timbulnja djusteru pada waktu „Sumpah pemuda” sedang menggeledek dan menggelora di-seluruh angkasa Indonesia untuk mendorong seluruh perdjoangan Bangsanja kearah kesatuan keIndonesiaan menudju kepada „Indonesia Merdeka”..."*¹⁰⁰

Selain faktor sejarah pembentukan, perbezaan kecenderungan ideologi NCWO dan KOWANI disebabkan oleh faktor pernyataan konsep pemikiran. Ideologi NCWO berpandukan motif perjuangan hak wanita, di samping agenda negara dan masyarakat. Namun, NCWO tidak mengungkapkan ideologinya menerusi gagasan seperti KOWANI iaitu Ibu Bangsa. Konsep Ibu Bangsa membezakan KOWANI dengan NCWO kerana penjenamaan memudahkan sesuatu idea disampaikan, hingga menjadikannya lebih jelas dan gah walaupun NCWO dan KOWANI berpegang kepada ideal yang sama untuk wanita, negara dan masyarakat.

Kesimpulan

Berdasarkan analisis perbandingan ideologi sifat hubungan agenda wanita dan agenda nasional atau feminisme dan nasionalisme ini, jelas bahawa penjajaran antara agenda wanita dengan agenda nasional tersebut lebih bersifat konstruktif. Dapatan ini sekali gus menunjukkan idea atau pemikiran NCWO dan KOWANI ialah gabungan feminisme dan nasionalisme—justeru diungkapkan sebagai ideologi 'feminisme-nasionalisme'. Oleh sebab sifat-sifat yang lebih cenderung konstruktif daripada segi ideologi, NCWO dan KOWANI telah memperjuangkan idea ini sebagai agenda organisasi secara bersama-sama. NCWO dan KOWANI tidak melihat penerapan agenda pembinaan negara bangsa dan pembangunan negara sebagai suatu yang meminggirkan kepentingan perjuangan hak wanita. Dalam erti kata lain, berlaku penjajaran ideologi feminisme dan nasionalisme dalam NCWO dan KOWANI yang masing-masing adalah merupakan satu gabungan organisasi-organisasi wanita terbesar di Malaysia dan Indonesia. Dapat disimpulkan di sini bahawa NCWO berpegang kepada unsur agenda wanita yang lebih dominan berbanding KOWANI yang lebih bersifat nasionalistik berbanding KOWANI. Pemikiran yang berbeza antara NCWO dan KOWANI ini penting untuk diselidiki, lebih-lebih lagi sifat destruktif agenda nasional terhadap agenda wanita tidak ditemukan dalam ideologi NCWO dan KOWANI yang memungkinkan bahawa ideal-ideal dalam pemikiran tidak semestinya dapat diterjemahkan dalam bentuk tindakan untuk pemerkasaan wanita.

Nota

- ¹ Leon P. Baradat, *Political Ideologies: Their Origins and Impact*, Prentice-Hall, New Jersey, 2000, hlm. 7.
- ² Ibid.
- ³ Ibid.
- ⁴ Ibid.
- ⁵ Trowbridge H. Ford, "Towards a Better Relation between History and Political Science", *Government and Opposition* 7, no. 2, 1972, hlm. 207-228.
- ⁶ Makmor Tumin, *Wanita di Malaysia: Perjuangan Menuntut Hak*, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2006; Ruhana Padzil, *Perjuangan Wanita dalam Aktivisme Sosial dan Nasionalisme di Tanah Melayu, 1929-1957*, Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 2017.
- ⁷ Ng, C.C.S., Maznah Mohamad & Tan Beng Hui, *Feminism and the Women's Movement in Malaysia: An Unsung (R)evolution*, Routledge, Oxon, 2006.
- ⁸ Nik Safiah Karim & Rokiah Talib, *Pergerakan Wanita dalam Memperjuangkan Hak*, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 2016.
- ⁹ KOWANI, *Sejarah Setengah Abad Pergerakan Wanita Indonesia*, Balai Pustaka, Jakarta, 1986.
- ¹⁰ Sukanti Suryochondro, *Potret Pergerakan Wanita di Indonesia*, Penerbit C.V. Rajawali, Jakarta, 1984.
- ¹¹ Farida Hanum, *Kajian dan Dinamika Gender*, Intrans Publishing, Malang, 2018.
- ¹² Kumari Jayawardena, *Feminism and Nationalism in the Third World*, Zed Press, New Jersey, 1986.
- ¹³ Aparna Basu, "A nationalist feminist: Mridula Sarabhai (1911-1974)", *Indian Journal of Gender Studies*, 2(1), 1995, hlm. 1-24
- ¹⁴ Geraldine Forbes, "Mothers and sisters: feminism and nationalism in the thought of Subhas Chandra Bose", Dlm. Netaji Institute for Asian Studies. *Subhas Chandra Bose: Facets of Great Patriot*, Netaji Institute for Asian Studies, Calcutta, 1996, hlm. 23-44.
- ¹⁵ Tami Amanda Jacoby, "Feminism, nationalism, and difference: reflections on the Palestinian women's movement", *Women's Studies International Forum*, 22, (5), 1999, hlm. 511-523.
- ¹⁶ Helen Ting Mu Hung, "Shamsiah Fakeh and Aishah Ghani in Malaya: Nationalists in Their Own Right, Feminists Ahead of Their Time", Dlm. Blackburn, S & Ting, H.M.H. (pnyt.), *Women in Southeast Asian Nationalist Movements*, NUS Press, Singapura, 2013, hlm. 147-174.
- ¹⁷ Raashida Gull, "Of feminism, colonialism and nationalism in India: drawing a relationship", *International Journal of Social Sciences*, 19, (1), 2014, hlm. 119-131.
- ¹⁸ Muhammad Rahimi Hasan, *Gerakan Nasioanalisme (1945-1957) Sebagai Wadah Emansipasi Wanita Melayu*. Tesis Sarjana, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2014.
- ¹⁹ Kumari Jayawardena, *Feminism and Nationalism in the Third World*, Zed Press, New Jersey, 1986.
- ²⁰ Maria Mies, *Patriarchy and Accumulation on a World Scale: Women in the International Division of Labor*, Zed Books, London, 1986.
- ²¹ Valentine M. Moghadam, 1994. "Introduction and overview: gender dynamics of nationalism, revolution and Islamization". Dlm. Moghadam, V.M. (pnyt.). *Gender and National Identity: Women and Politics in Muslim Societies*, Zed Books, London, 1994, hlm. 1-17
- ²² Geraldine Forbes, "Mothers and sisters: feminism and nationalism in the thought of Subhas Chandra Bose", 1996, hlm. 23-44.
- ²³ Lina Sunseri, "Moving beyond the feminism versus nationalism dichotomy: an anti-colonial feminist perspective on aboriginal liberations struggles", *Canadian Women Studies*, 20, (2), 2000, hlm. 143-148.
- ²⁴ Raashida Gull, 2014, hlm. 119-131.
- ²⁵ Ranjoo Seodu Herr, "The possibility of nationalist feminism", *Hypatia*, 18, (3), 2003, hlm. 135-160.
- ²⁶ Kim Hee-Kang, "Should feminism transcend nationalism? A defense of feminist nationalism in South Korea", *Women's Studies International Forum*, 32, 2009, hlm. 108-119.
- ²⁷ James Mahoney, "Process tracing and historical explanation", *Security Studies*, 24, 2015, hlm. 200-218.
- ²⁸ Todd Landman, *Issues And Methods in Comparative Politics: An Introduction*, Routledge, London, 2000.

- ²⁹ Mahani Musa, "Official State Records: A Minefield for Studying Pre-1957 Malay Women", *Sari*, 26, 2008, hlm. 171-188.
- ³⁰ Rasammah Bhupalan, 1963, Peristiwa2 yang membawa kepada pembentokan Majlis Kebangsaan Pertubuhan2 Wanita Persekutuan Tanah Melayu, Laporan Hari Wanita Persekutuan Tanah Melayu 25 Ogos 1962, 2007/0012408W, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- ³¹ Nik Safiah Karim & Rokiah Talib, *Pergerakan Wanita dalam Memperjuangkan Hak*, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 2016.
- ³² Perisytiharan Hari Wanita Persekutuan Tanah Melayu 1962, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- ³³ Ibid.
- ³⁴ Jawatankuasa Hari Wanita Persekutuan Tanah Melayu. 1963. Laporan Hari Wanita Persekutuan Tanah Melayu 25hb. Ogos 1962., 2007/0012408W, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- ³⁵ Rasammah Bhupalan, 1963, Peristiwa2 yang membawa kepada pembentokan Majlis Kebangsaan Pertubuhan2 Wanita Persekutuan Tanah Melayu, Laporan Hari Wanita Persekutuan Tanah Melayu 25 Ogos 1962, 2007/0012408W, Arkib Negara, Kuala Lumpur.
- ³⁶ Ibid.
- ³⁷ Ibid.
- ³⁸ Minit Meshuarat Agong Penubuhan NCWO 1963, hlm. 5.
- ³⁹ Perlembagaan NCWO – National Council of Women's Organisations Malaysia.
- ⁴⁰ Fatimah Hashim, 1975, Ucapan Yang Dipertua Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita Malaysia, Tan Sri Fatimah Hashim di Majlis Perhimpunan Raksaksa 'Kemaraan Wanita', 30 Ogos 1975. 2004/0018833W, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- ⁴¹ Arkib Museum Pergerakan Wanita Indonesia 2019.
- ⁴² KOWANI, *Sejarah Setengah Abad Pergerakan Wanita Indonesia*, Balai Pustaka, Jakarta, 1986.
- ⁴³ Ibid.
- ⁴⁴ Julia Suryakusuma, *Ibuisme Negara: Konstruksi Sosial Keperempuanan Orde Baru*, Depok, Komunitas Bambu, 2011.
- ⁴⁵ Urusan Humas/Penerangan KOWANI, *Buku Kenang-kenangan Kongres Kowani ke-XIII Tahun 1974*, Jakarta, 1974.
- ⁴⁶ KOWANI, *Sejarah Setengah Abad Pergerakan Wanita Indonesia*, Balai Pustaka, Jakarta, 1986.
- ⁴⁷ Ibid.
- ⁴⁸ Corry Soekotjo, 2019, Sejarah KOWANI: ideologi, perjuangan dan pencapaian, Temu bual, 16 Julai.
- ⁴⁹ Nik Safiah Karim & Rokiah Talib, *Pergerakan Wanita dalam Memperjuangkan Hak*, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 2016.
- ⁵⁰ Nik Safiah Karim, 2019, Sejarah NCWO: ideologi, perjuangan dan pencapaian, Temu bual, 2 Januari.
- ⁵¹ Aruna Gopinath, *Footprints on the Sands of Time Rasammah Bhupalan: A Life of Purpose*, Kuala Lumpur, Arkib Negara Malaysia, 2007; Azizah Mokhzani, *Fatimah: Srikandi Sumber Inspirasi*, Kuala Lumpur, Majlis Kebangsaan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita Malaysia, 1990.
- ⁵² Ramani Gurusamy, 2019, Sejarah NCWO: ideologi, perjuangan dan pencapaian, Temu bual, 25 Januari.
- ⁵³ Fatimah Hashim, 1963a, Ucapan Y.B. Datin Fatimah binti Hashim Pengerusi Perhimpunan Hari Wanita, pada 25hb. Ogos 1962 di-Stadium Merdeka. Dlm. Laporan Hari Wanita Persekutuan Tanah Melayu, 25hb. Ogos 1962, 2007/0012408W, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- ⁵⁴ Fatimah Hashim, 1963b, Ucapan Tan Sri Fatimah Hashim di Majlis Perhimpunan Wanita Tanah Melayu Semasa Menyambut Ulangtahun Pertama Hari Wanita, 2004/0018808W, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- ⁵⁵ Fatimah Hashim, 1966, Teks Ucapan Fatimah Hashim semasa Perayaan Ulangtahun Hari Wanita Keempat [T.T.], 2007/0059649W, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- ⁵⁶ Fatimah Hashim, 1970, Perutusan Hari Wanita daripada Y.B. Tan Sri Fatimah Binti Hj. Hashim, Menteri Kebajikan Am dan Yang Dipertua Majlis Kebangsaan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita Malaysia, 15 Ogos 1970, 2004/0018232W, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

- ⁵⁷ Fatimah Hashim, 1971, Uchapan Tan Sri Fatimah Bte. Hj. Hashim P.M.N Yang Di-Pertua Majlis Kebangsaan Pertubuhan2 Wanita di-Majlis Perayaan Hari Wanita Malaysia ke-10 Di-Dewan Pandu Puteri Selangor pada 25 Ogos 1971, 2004/0018184W, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- ⁵⁸ Jawatankuasa Hari Wanita Persekutuan Tanah Melayu. 1963. Laporan Hari Wanita Persekutuan Tanah Melayu 25hb. Ogos 1962, 2007/0012408W, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- ⁵⁹ Ibid.
- ⁶⁰ Tunku Abdul Rahman, 1962, Perutusan Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj Perdana Menteri. Hari Wanita Persekutuan Tanah Melayu. Kuala Lumpur, Persekutuan Tanah Melayu, 25 Ogos, 2007/0012406W, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- ⁶¹ Tun Abdul Razak Hussein, 1962, Perutusan Y.A.B. Tun Abdul Razak Bin Hussein Al-Haj Timbalan Perdana Menteri. Hari Wanita Persekutuan Tanah Melayu. Kuala Lumpur, Persekutuan Tanah Melayu, 25 Ogos, 2007/0012406W, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- ⁶² Tunku Abdul Rahman, 1963, Perutusan Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu. Hari Wanita Persekutuan Tanah Melayu. Kuala Lumpur, Persekutuan Tanah Melayu, 25 Ogos. Arkib National Council of Women's Organisation (NCWO); Tun Abdul Razak Hussein, 1963, Perutusan Timbalan Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Hari Wanita Persekutuan Tanah Melayu, Kuala Lumpur, Persekutuan Tanah Melayu, 25 Ogos, Arkib National Council of Women's Organisations (NCWO).
- ⁶³ Tun Abdul Razak Hussein, 1963, Perutusan Timbalan Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu. Hari Wanita Persekutuan Tanah Melayu, Kuala Lumpur, Persekutuan Tanah Melayu, 25 Ogos, Arkib National Council of Women's Organisations (NCWO).
- ⁶⁴ Tun Abdul Razak Hussein, 1971, Perutusan Perdana Menteri. Seminar Rukunegara 1971, Anjuran Majlis Kebangsaan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita Malaysia, Dewan Sekolah Menengah Perempuan Methodist, Kuala Lumpur, 20-22 Ogos, Arkib National Council of Women's Organisations (NCWO).
- ⁶⁵ Ibid.
- ⁶⁶ Tun Dr. Ismail Abdul Rahman, 1971, Kata aluan Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Seminar Rukunegara 1971, Anjuran Majlis Kebangsaan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita Malaysia, Dewan Sekolah Menengah Perempuan Methodist, Kuala Lumpur, 20-22 Ogos, Arkib National Council of Women's Organisations (NCWO).
- ⁶⁷ Tun Dr. Ismail Abdul Rahman, 1972, Ucapan Timbalan Perdana Menteri Malaysia. Dlm. Seminar Rancangan Malaysia Yang Ke-dua, Gerakan Pembaharuan dan Peranan Pertubuhan2 Wanita, Anjuran Majlis Kebangsaan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita Malaysia, Dewan Sekolah Menengah Perempuan Methodist, Kuala Lumpur, 8 Disember, Arkib National Council of Women's Organisations (NCWO).
- ⁶⁸ Pemandangan, "Kongres Perempoean Indonesia Kedoea – rapat oemoem ketiga dan penghabisan", *Pemandangan*, 24 Julai, 1935, p. 2.
- ⁶⁹ KOWANI, *Sejarah Setengah Abad Pergerakan Wanita Indonesia*, Jakarta, Balai Pustaka, 1986.
- ⁷⁰ Putri Megawati, *Pemikiran Sri Wulandari Mangunsarkoro Tentang Pendidikan dan Wanita (1923-1959)*. Skripsi Sarjana, Fakultas Ilmu Sosial, Universitas Negeri Yogyakarta, 2016.
- ⁷¹ KOWANI, *Sejarah Setengah Abad Pergerakan Wanita Indonesia*, Balai Pustaka, Jakarta, 1986.
- ⁷² Ibid.
- ⁷³ Sri Mangunsarkoro, "Arti perempoean bagi iboe bangsa", *Isteri Indonesia*, Mei-Juni, 1935, hlm. 89.
- ⁷⁴ Ibid.
- ⁷⁵ KOWANI, *Buku Peringatan 30 Tahun Kesatuan Pergerakan Wanita Indonesia*, Indonesia, Kementerian Penerangan, 1958.
- ⁷⁶ Ibid.
- ⁷⁷ KOWANI, *Buku Programma Panitya Seperempat Abad Kesatuan Pergerakan Wanita Indonesia*, Yogyakarta, Panitya Pusat Seperempat Abad Kesatuan Pergerakan Wanita Indonesia, 1953.
- ⁷⁸ Ibid.
- ⁷⁹ KOWANI, *Buku Peringatan 30 Tahun Kesatuan Pergerakan Wanita Indonesia*, Indonesia, Kementerian Penerangan, 1958.
- ⁸⁰ Sukarno, 1963, Amanat PJM Presiden Sukarno pada Peringatan Hari Ibu di Istana Merdeka, di Djakarta, 21 Desember 1963, Arsip Nasional Republik Indonesia, Daftar Arsip Pidato Presiden Republik Indonesia Ir Sukarno, Tahun 1958-1967, No.558.

⁸¹ Ibid.

⁸² Ibid.

⁸³ KOWANI, *Buku Peringatan 30 Tahun Kesatuan Pergerakan Wanita Indonesia*, Indonesia, Kementerian Penerangan, 1958.

⁸⁴ Suharto, Naskah sambutan Pejabat Presiden pada peringatan Hari Ibu di Jakarta, 22 Desember 1967, Jakarta. Arsip Nasional Republik Indonesia, Inventaris Arsip Sekretariat Negara: Seri Pidato Presiden Soeharto, 1966-1998, 1260.1, 1967.

⁸⁵ Ibid.

⁸⁶ Suharto, Naskah sambutan pada peringatan Hari Ibu, pada tanggal 23 Desember 1974, di Jakarta. Arsip Nasional Republik Indonesia, Inventaris Arsip Sekretariat Negara: Seri Pidato Presiden Soeharto, 1966-1998, 1260.2, 1974.

⁸⁷ Ibid.

⁸⁸ Julia Suryakusuma, *Ibuisme Negara: Konstruksi Sosial Keperempuanan Orde Baru*, Depok, Komunitas Bambu, 2011.

⁸⁹ Giwo Rubianto Wiyogo. 2019. Sejarah KOWANI: ideologi, perjuangan dan pencapaian. Temu bual, 12 Ogos.

⁹⁰ Ibid.

⁹¹ Lois A. West, *Feminist Nationalism*, Routledge, New York, 1997.

⁹² Ng, C.C.S., Maznah Mohamad & Tan Beng Hui, *Feminism and the Women's Movement in Malaysia: An Unsung (R)evolution*, Oxon, Routledge, 2006.

⁹³ Fatimah Hashim, 1975, Ucapan Yang Dipertua Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita Malaysia, Tan Sri Fatimah Hashim di Majlis Perhimpunan Raksaksa 'Kemaraan Wanita', 30 Ogos 1975, 2004/0018833W, Arkib Negara Malaysia

⁹⁴ Fatimah Hamid Don, 2019, Sejarah NCWO: ideologi, perjuangan dan pencapaian, Temu bual, 25 Januari.

⁹⁵ Ibid.

⁹⁶ Nik Safiah Karim, 2019, Sejarah NCWO: ideologi, perjuangan dan pencapaian, Temu bual, 2 Januari.

⁹⁷ Lasyah Soetanto, "Kata sambutan Menteri Muda Urusan Peranan Wanita Ny. L. Soetanto, SH", Dlm. KOWANI. *Sejarah Setengah Abad Pergerakan Wanita Indonesia*, Jakarta, Balai Pustaka, 1986, pp.22-23.

⁹⁸ Corry Soekotjo, 2019, Sejarah KOWANI: ideologi, perjuangan dan pencapaian, Temu bual, 16 Julai.

⁹⁹ Rasammah Bhupalan, 1979, NCWO Malaysia – A Short History of the NCWO 1960-1979, 2007/0021392W, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

¹⁰⁰ Merdeka, "Memperingati seperempat abad kesatuan pergerakan wanita Indonesia – pidato jang diutjapkan oleh: Nj. Sri Mangunsarkoro Ketua Panitia Pusat Peringatan Hari Ibu", *Merdeka*, 22 Disember, 1953, hlm. 2.

Rujukan

Arkib Museum Pergerakan Wanita Indonesia 2019.

Aruna Gopinath. 2007. *Footprints on the Sands of Time Rasammah Bhupalan: A Life of Purpose*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

Azizah Mokhzani. 1990. *Fatimah: Srikandi Sumber Inspirasi*. Kuala Lumpur: Majlis Kebangsaan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita Malaysia.

Baradat, L.P. 2000. *Political Ideologies: Their Origins and Impact*. New Jersey: Prentice-Hall.

Basu, A. 1995. A nationalist feminist: Mridula Sarabhai (1911-1974). *Indian Journal of Gender Studies* 2, no. 1: 1-24.

Corry Soekotjo. 2019. Sejarah KOWANI: ideologi, perjuangan dan pencapaian. Temu bual, 16 Julai.
Fatimah Hamid Don. 2019. Sejarah NCWO: ideologi, perjuangan dan pencapaian. Temu bual, 25 Januari.

Fatimah Hashim. 1963a. Uchapan Y.B. Datin Fatimah binti Hashim Pengerusi Perhimpunan Hari Wanita, pada 25hb. Ogos 1962 di-Stadium Merdeka. Dlm. Laporan Hari Wanita Persekutuan Tanah Melayu, 25hb. Ogos 1962. Arkib Negara Malaysia, 2007/0012408W.

- Fatimah Hashim. 1963b. Ucapan Tan Sri Fatimah Hashim di Majlis Perhimpunan Wanita Tanah Melayu Semasa Menyambut Ulangtahn Pertama Hari Wanita. Arkib Negara Malaysia, 2004/0018808W.
- Fatimah Hashim. 1966. Teks Ucapan Fatimah Hashim semasa Perayaan Ulangtahn Hari Wanita Keempat [T.T.]. Arkib Negara Malaysia, 2007/0059649W.
- Fatimah Hashim. 1970b. Perutusan Hari Wanita daripada Y.B. Tan Sri Fatimah Binti Hj. Hashim, Menteri Kebajikan Am dan Yang Dipertua Majlis Kebangsaan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita Malaysia, 15 Ogos 1970. Arkib Negara Malaysia, 2004/0018232W.
- Fatimah Hashim. 1971b. Uchapan Tan Sri Fatimah Bte. Hj. Hashim P.M.N Yang Di-Pertua Majlis Kebangsaan Pertubuhan2 Wanita di-Majlis Perayaan Hari Wanita Malaysia ke-10 Di-Dewan Pandu Puteri Selangor pada 25 Ogos 1971. Arkib Negara Malaysia, 2004/0018184W.
- Fatimah Hashim. 1975. Ucapan Yang Dipertua Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita Malaysia, Tan Sri Fatimah Hashim di Majlis Perhimpunan Raksaksa 'Kemaraan Wanita', 30 Ogos 1975. Arkib Negara Malaysia, 2004/0018833W.
- Farida Hanum. 2018. *Kajian dan Dinamika Gender*. Malang: Intrans Publishing.
- Forbes, G. 1996. Mothers and sisters: feminism and nationalism in the thought of Subhas Chandra Bose. Dlm. Netaji Institute for Asian Studies. *Subhas Chandra Bose: Facets of Great Patriot*, hlm. 23-44. Calcutta: Netaji Institute for Asian Studies.
- Ford, T.H. 1972. "Towards a Better Relation between History and Political Science," *Government and Opposition* 7, no. 2: 207-228.
- Giwo Rubianto Wiyogo. 2019. Sejarah KOWANI: ideologi, perjuangan dan pencapaian. Temu bual, 12 Ogos.
- Gull, R. 2014. "Of feminism, colonialism and nationalism in India: drawing a relationship," *International Journal of Social Sciences* 19, no. 1: 119-131.
- Hee-Kang, Kim. 2009. "Should feminism transcend nationalism? A defense of feminist nationalism in South Korea," *Women's Studies International Forum* 32: 108-119.
- Herr, R.S. 2003. "The possibility of nationalist feminism," *Hypatia* 18, no. 3: 135-160.
- Jacoby, T.A. 1999. "Feminism, nationalism, and difference: reflections on the Palestinian women's movement," *Women's Studies International Forum* 22, no. 5: 511-523.
- Jawatankuasa Hari Wanita Persekutuan Tanah Melayu. 1963. Laporan Hari Wanita Persekutuan Tanah Melayu 25hb. Ogos 1962. Arkib Negara Malaysia, 2007/0012408W.
- Jayawardena, K. 1986. *Feminism and Nationalism in the Third World*. New Jersey: Zed Press.
- Julia Suryakusuma. 2011. *Ibuisme Negara: Konstruksi Sosial Keperempuanan Orde Baru*. Depok: Komunitas Bambu.
- KOWANI. 1953. *Buku Programma Panitya Seperempat Abad Kesatuan Pergerakan Wanita Indonesia*. Yogyakarta: Panitya Pusat Seperempat Abad Kesatuan Pergerakan Wanita Indonesia.
- KOWANI. 1958. *Buku Peringatan 30 Tahun Kesatuan Pergerakan Wanita Indonesia*. Indonesia: Kementerian Penerangan.
- KOWANI. 1986. *Sejarah Setengah Abad Pergerakan Wanita Indonesia*. Jakarta: Balai Pustaka.
- Landman, T. 2000. *Issues And Methods in Comparative Politics: An Introduction*. London: Routledge.
- Lasiyah Soetanto. 1986. Kata sambutan Menteri Muda Urusan Peranan Wanita Ny. L. Soetanto, SH. Dlm. KOWANI. *Sejarah Setengah Abad Pergerakan Wanita Indonesia*, hlm. 22-23. Jakarta: Balai Pustaka.
- Mahani Musa. 2008. "Official State Records: A Minefield for Studying Pre-1957 Malay Women," *Sari* 26: 171-188.
- Mahoney, J. 2015. "Process tracing and historical explanation," *Security Studies* 24: 200-218.
- Makmor Tumin. 2006. *Wanita di Malaysia: Perjuangan Menuntut Hak*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

- Merdeka. 1953. Memperingati seperempat abad kesatuan pergerakan wanita Indonesia – pidato yang diucapkan oleh: Nj. Sri Mangunsarkoro Ketua Panitia Pusat Peringatan Hari Ibu. *Merdeka*, 22 Desember.
- Mies, M. 1986. *Patriarchy and Accumulation on a World Scale: Women in the International Division of Labor*. London: Zed Books.
- Minit Meshuarat Agong Penubuhan NCWO 1963, hlm. 5.
- Moghadam, V.M. 1994. Introduction and overview: gender dynamics of nationalism, revolution and Islamization. Dlm. Moghadam, V.M. (pnyt.). *Gender and National Identity: Women and Politics in Muslim Societies*, hlm. 1-17. London: Zed Books.
- Muhammad Rahimi Hasan. 2014. Gerakan Nasioanalisme (1945-1957) Sebagai Wadah Emansipasi Wanita Melayu. Tesis Sarjana, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ng, C.C.S., Maznah Mohamad & Tan Beng Hui. 2006. *Feminism and the Women's Movement in Malaysia: An Unsung (R)evolution*. Oxon: Routledge.
- Nik Safiah Karim. 2019. Sejarah NCWO: ideologi, perjuangan dan pencapaian. Temu bual, 2 Januari.
- Nik Safiah Karim & Rokiah Talib. 2016. *Pergerakan Wanita dalam Memperjuangkan Hak*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Pemandangan. 1935. Kongres Perempuan Indonesia Kedoea – rapat oemoem ketiga dan penghabisan. *Pemandangan*, 24 Julai.
- Perisytiharan Hari Wanita Persekutuan Tanah Melayu 1962.
- Perlembagaan NCWO – National Council of Women's Organisations Malaysia.
- Putri Megawati. 2016. Pemikiran Sri Wulandari Mangunsarkoro Tentang Pendidikan dan Wanita (1923-1959). Skripsi Sarjana, Fakultas Ilmu Sosial, Universitas Negeri Yogyakarta.
- Ramani Gurusamy, 2019, Sejarah NCWO: ideologi, perjuangan dan pencapaian, Temu bual, 25 Januari.
- Rasammah Bhupalan. (pnys.). 1963. Peristiwa2 yang membawa kepada pembentokan Majlis Kebangsaan Pertubohan2 Wanita Persekutuan Tanah Melayu. Laporan Hari Wanita Persekutuan Tanah Melayu 25 Ogos 1962. Arkib Negara Malaysia, 2007/0012408W.
- Rasammah Bhupalan. 1979. NCWO Malaysia – A Short History of the NCWO 1960-1979. Arkib Negara Malaysia, 2007/0021392W.
- Ruhana Padzil. 2017. Perjuangan Wanita dalam Aktivisme Sosial dan Nasionalisme di Tanah Melayu, 1929-1957. Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- Sri Mangunsarkoro. 1935. Arti perempuan bagi iboe bangsa. *Isteri Indonesia*, Mei-Juni: 89.
- Suharto. 1967. Naskah sambutan Pejabat Presiden pada peringatan Hari Ibu di Jakarta, 22 Desember 1967, Jakarta. Arsip Nasional Republik Indonesia, Inventaris Arsip Sekretariat Negara: Seri Pidato Presiden Soeharto, 1966-1998, 1260.1.
- Suharto. 1974. Naskah sambutan pada peringatan Hari Ibu, pada tanggal 23 Desember 1974, di Jakarta. Arsip Nasional Republik Indonesia, Inventaris Arsip Sekretariat Negara: Seri Pidato Presiden Soeharto, 1966-1998, 1260.2.
- Sunseri, L. 2000. "Moving beyond the feminism versus nationalism dichotomy: an anti-colonial feminist perspective on aboriginal liberations struggles," *Canadian Women Studies* 20, no. 2: 143-148.
- Sukarno. 1963. Amanat PJM Presiden Sukarno pada Peringatan Hari Ibu di Istana Merdeka, di Djakarta, 21 Desember 1963. Arsip Nasional Republik Indonesia, Daftar Arsip Pidato Presiden Republik Indonesia Ir Sukarno, Tahun 1958-1967, No.558.
- Sukanti Suryochondro. 1984. *Potret Pergerakan Wanita di Indonesia*. Jakarta: Penerbit C.V. Rajawali.
- Ting, H.M.H. 2013. Shamsiah Fakeh and Aishah Ghani in Malaya: Nationalists in Their Own Right, Feminists Ahead of Their Time. Dlm. Blackburn, S & Ting, H.M.H. (pnyt.). *Women in Southeast Asian Nationalist Movements*, hlm. 147-174. Singapura: NUS Press.

- Tunku Abdul Rahman. 1962. Perutusan Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj Perdana Menteri. Hari Wanita Persekutuan Tanah Melayu. Kuala Lumpur, Persekutuan Tanah Melayu, 25 Ogos. Arkib Negara Malaysia, 2007/0012406W.
- Tun Abdul Razak Hussein. 1962. Perutusan Y.A.B. Tun Abdul Razak Bin Hussein Al-Haj Timbalan Perdana Menteri. Hari Wanita Persekutuan Tanah Melayu. Kuala Lumpur, Persekutuan Tanah Melayu, 25 Ogos. Arkib Negara Malaysia, 2007/0012406W.
- Tunku Abdul Rahman. 1963. Perutusan Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu. Hari Wanita Persekutuan Tanah Melayu. Kuala Lumpur, Persekutuan Tanah Melayu, 25 Ogos. Arkib National Council of Women's Organisation (NCWO).
- Tun Abdul Razak Hussein. 1963. Perutusan Timbalan Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu. Hari Wanita Persekutuan Tanah Melayu. Kuala Lumpur, Persekutuan Tanah Melayu, 25 Ogos. Arkib National Council of Women's Organisations (NCWO).
- Tun Abdul Razak Hussein. 1971. Perutusan Perdana Menteri. Seminar Rukunegara 1971. Anjuran Majlis Kebangsaan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita Malaysia, Dewan Sekolah Menengah Perempuan Methodist, Kuala Lumpur, 20-22 Ogos. Arkib National Council of Women's Organisations (NCWO).
- Tun Dr. Ismail Abdul Rahman. 1971. Kata aluan Timbalan Perdana Menteri Malaysia. Seminar Rukunegara 1971. Anjuran Majlis Kebangsaan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita Malaysia, Dewan Sekolah Menengah Perempuan Methodist, Kuala Lumpur, 20-22 Ogos. Arkib National Council of Women's Organisations (NCWO).
- Tun Dr. Ismail Abdul Rahman. 1972. Ucapan Timbalan Perdana Menteri Malaysia. Dlm. Seminar Rancangan Malaysia Yang Ke-dua, Gerakan Pembaharuan dan Peranan Pertubuhan² Wanita. Anjuran Majlis Kebangsaan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita Malaysia, Dewan Sekolah Menengah Perempuan Methodist, Kuala Lumpur, 8 Disember. Arkib National Council of Women's Organisations (NCWO).
- Urusan Humas/Penerangan KOWANI. 1974. *Buku Kenang-kenangan Kongres Kowani ke-XIII Tahun 1974*. Jakarta.
- West, L.A. (pnyt.). 1997. *Feminist Nationalism*. New York: Routledge.